

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/2005

PENGECUALIAN BAYARAN-BAYARAN DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 UNTUK RUMAH AWAM KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH YANG DIDAFTARKAN ATAS NAMA PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN DAN DIKENDALIKAN OLEH BAHAGIAN PERUMAHAN SUK

Pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan Pengecualian Bayaran-Bayaran yang dikenakan dibawah Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 bagi urusan-urusan tanah yang melibatkan projek-projek rumah awam kos rendah dan kos sederhana rendah yang didaftarkan dengan nama Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan dikendalikan oleh Bahagian Perumahan SUK.

2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 21/2004 pada 03hb November 2004 semasa menimbang Kertas MMK Bil. 21/1698/2004(4) telah membuat keputusan supaya pengecualian bayaran bagi urusan tanah dibawah Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 yang diluluskan pada persidangan MMK Bil.15/2003 bertarikh 30hb. Julai 2003 sebagaimana kertas MMK Bil. 15/808/2003(3) hanya diberikan bagi projek-projek awam kos rendah dan sederhana rendah yang didaftarkan dengan nama Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan dikendalikan oleh Bahagian Perumahan SUK sahaja.

3. Pengecualian bayaran-bayaran yang dikenakan adalah sebagaimana berikut:-

- i) Pengecualian bayaran-bayaran dibawah Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 bagi item-item berikut :-

- | | | | |
|----|--|---|--|
| a. | Bayaran Pendaftaran dan Pengeluaran Hakmilik Kekal dibawah Pejabat Pendaftar | - | Item 1, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |
| b. | Bayaran Pendaftaran dan Pengeluaran Hakmilik Sementara | - | Item 2, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |
| c. | Bayaran Pendaftaran Hakmilik Sementara | - | Item 5, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |
| d. | Bayaran Pengeluaran Hakmilik Sementara | - | Item 6, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |
| e. | Bayaran Pendaftaran Pindahmilik Tanah | - | Item 19, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |
| f. | Bayaran Pendaftaran Gadaian | - | Item 24, Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan [Pindaan] 2002 |

- | | | | |
|----|--|---|---|
| g. | Bayaran Pendaftaran
Permohonan Milik Tanah | - | Item 56, Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
| h. | Bayaran notis | - | Item 61, Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
| i. | Bayaran Pelan Surihan | - | Item 62, Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
| j. | Bayaran memperenggan
tanah untuk tanah kategori
bangunan dan industri | - | Item 66 (b), Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
| k. | Bayaran cabutan hakmilik tanah | - | Item 69, Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
| l. | Bayaran borang-borang dibawah
Kanun Tanah Negara 1965 dan
Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan
1966 | - | Item 76, Kaedah 21
Kaedah-Kaedah Tanah
Kelantan [Pindaan]
2002 |
- ii) Pengecualian bayaran upah ukur dibawah National Land Code (Survey Fees) Order 1965

- iii) Pengecualian bayaran hasil tanah dibawah Kaedah 16 (1) (a) Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 selama ianya didaftarkan dengan nama Perbadanan Menteri Besar Negeri Kelantan.
- iv) Pengecualian bayaran premium tanah dibawah Kaedah 11, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1960.

4. Pentadbir-Pentadbir Tanah diingatkan bahawa pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik dan gadaian sebagaimana yang dinyatakan diperenggan 3 (i) (e) dan (f) di atas hanya diberikan bagi urusan pendaftaran pindahmilik pertama sahaja daripada Perbadanan Menteri Besar dan bagi gadaian pertama sahaja.

5. Pihak Berkuasa Negeri pada persidangan MMK yang sama juga telah membuat keputusan agar semua Kertas MMK yang berkaitan dengan urusan tanah perlulah diangkat melalui Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan bagi memastikan tindakan susulan dapat diambil terhadap apa-apa keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.

t.t

.....
(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Dato' Pengarah UPEN
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.4/2/15 Jld. 2

BERTARIKH : 25 Januari 2005